

5/10/15
Bt (TIMUR) um 3 pg: B10

KUANTAN

Language Evanganza

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan 'Language Evanganza' kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) di negeri ini dalam usaha memahirkan diri mereka dengan pelbagai bahasa.

Dengan tema 'Komunikasi Menerusi Kreativiti dan Teknologi', projek berkenaan menjanjikan keseronokan bagi pelajar menggunakan bahasa asing melalui pelbagai aktiviti menarik sepanjang program 6 hingga 11 Ogos ini.

Pengarah projek, Zuraina Ali, berkata peserta yang terbabit dalam projek itu akan menimba pengalaman menerusi pelbagai aktiviti membabitkan penggunaan bahasa asing seperti Inggeris, Jepun, Jerman, Arab dan Mandarin.